

Soalan-soalan Lazim (FAQ)

AFFIN DUO – AFFIN DUO VISA CASH BACK DAN AFFIN DUO MASTERCARD REWARDS

1. Berapa banyak kad kredit/-i akan dikeluarkan kepada saya apabila saya memohon untuk AFFIN DUO?

Anda akan diberikan dua (2) kad kredit/-i - AFFIN DUO Visa Cash Back dan AFFIN DUO Mastercard Rewards apabila anda memohon AFFIN DUO.

2. Apakah faedah-faedah AFFIN DUO?

Anda boleh menikmati faedah-faedah berikut dengan AFFIN DUO:

AFFIN DUO									
AFFIN DUO Visa Cash Back	AFFIN DUO Mastercard Rewards								
3 tahun pengecualian yuran tahunan. Yuran tahunan untuk tahun berikutnya akan dikecualikan dengan perbelanjaan minimum 12 kali transaksi runcit setahun.	3 tahun pengecualian yuran tahunan. Yuran tahunan untuk tahun berikutnya akan dikecualikan dengan perbelanjaan minimum 12 kali transaksi runcit setahun.								
<p>Pulangan tunai 3%* ke atas transaksi e-Dagang/dalam talian, e-Dompet dan bil automatik sehingga RM50 sebulan dengan syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sehingga RM50 untuk Ahli Kad yang mempunyai baki terdahulu RM3,000 dan ke atas pada penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back anda - Sehingga RM30 untuk Ahli Kad yang mempunyai baki terdahulu bawah RM3,000 pada penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back anda. <p>Nota: Pulangan tunai maksimum yang diperolehi daripada transaksi e-Dompet ialah RM30 sebulan untuk dua (2) syarat di atas.</p> <p>*Tidak sah untuk transaksi pendahuluan tunai/ pengeluaran tunai, transaksi berkaitan dengan kerja amal dan perkhidmatan kerajaan dan pembayaran melalui JomPAY, FPX dan Mail Order/Telephone Order (MOTO).</p>	<p>3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk setiap RM1 yang dibelanjakan ke atas transaksi-transaksi berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Kod Kategori Pedagang (MCC)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Makanan (F&B)</td> <td>5811, 5812, 5814</td> </tr> <tr> <td>Barangan Runcit</td> <td>5411</td> </tr> <tr> <td>Minyak</td> <td>5541, 5542</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Kod Kategori Pedagang (MCC)	Makanan (F&B)	5811, 5812, 5814	Barangan Runcit	5411	Minyak	5541, 5542
Kategori	Kod Kategori Pedagang (MCC)								
Makanan (F&B)	5811, 5812, 5814								
Barangan Runcit	5411								
Minyak	5541, 5542								

AFFIN DUO VISA CASH BACK

3. Siapa yang layak untuk dapat pulangan tunai 3% dari Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back?

Semua Ahli Kad Utama dan Tambahan yang melakukan transaksi e-Dagang/dalam talian, e-Dompet dan bil automatik (“Transaksi yang Layak untuk Pulangan Tunai”) menggunakan Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back adalah layak untuk pulangan tunai. Walau bagaimanapun, Transaksi yang Layak untuk Pulangan Tunai yang dilakukan oleh Kad Tambahan akan dimasukkan ke dalam pengiraan Transaksi yang Layak untuk Pulangan Tunai bagi Ahli Kad Utama dan pulangan tunai hanya akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Utama AFFIN DUO Visa Cash Back.

4. Apakah maksud *previous balance*?

Previous balance merujuk kepada baki bawa ke hadapan bagi penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Bank yang tertera dalam penyata kad kredit/-i bulan semasa anda. Rujuk "*PREVIOUS BALANCE*" dalam penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back anda.

5. Apakah pulangan tunai maksimum yang boleh saya dapat dengan Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back?

Pulangan tunai maksimum yang boleh anda dapat adalah sehingga RM50 sebulan yang dibuat pada tiga (3) kategori perbelanjaan untuk Akaun Kad dengan baki terdahulu (*previous balance*) RM3,000 dan ke atas pada penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back anda.

Ilustrasi pengiraan berdasarkan *previous balance*:

Tarikh Kenyataan	16 Februari 2023	Tarikh Kenyataan	16 Mac 2023
<i>PREVIOUS BALANCE</i>	RM3,000	<i>PREVIOUS BALANCE</i>	RM2,426.50
Transaksi Runcit Contoh dibuat daripada e-Dompet, Dalam Talian dan Transaksi Berulang	RM2,700	Transaksi Runcit Contoh dibuat daripada e-Dompet, Dalam Talian dan Transaksi Berulang	RM1,800
Pembalikan Yuran Tahunan Dibilkan	(RM250)	NIL	NIL
Pembalikan Caj Kewangan Dibilkan	(RM23.50)	NIL	NIL
<i>CURRENT BALANCE</i>	RM2,426.50	<i>CURRENT BALANCE</i>	RM1,800
Pulangan Tunai dari Transaksi Runcit	RM81	Pulangan Tunai dari Transaksi Runcit	RM54
Jumlah Pembayaran Pulangan Tunai berdasarkan <i>Previous Balance</i> iaitu \geq RM3,000	RM50	Jumlah Pembayaran Pulangan Tunai berdasarkan <i>Previous Balance</i> iaitu \geq RM3,000	RM30

Transaksi runcit, yuran dan caj akan dijumlahkan kepada *previous balance* anda. Sekiranya, mana-mana contoh di bawah berlaku, harap maklum bahawa *current balance* anda untuk bulan tersebut akan terjejas. Oleh itu, *current balance* anda akan dibawa ke hadapan sebagai "*previous balance*" pada bulan berikutnya.

- Penepian ke atas yuran dan caj cth., yuran tahunan, pembayaran lewat, etc.
- Pemulangan kredit/-i yang dibuat oleh peniaga.
- Pembalikan disebabkan transaksi yang tidak dibenarkan.

6. Bagaimanakah pulangan tunai diberikan?

Pulangan tunai diberikan berdasarkan tiga (3) kategori perbelanjaan yang dibuat pada **e-Dagang/dalam talian, e-Dompet dan transaksi bil automatik**. Pulangan tunai dihadkan sehingga RM80 sebulan, tertakluk kepada baki terdahulu (*previous balance*) dalam penyata, Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back.

Contoh: Tempoh kitaran penyata : 13 Mac hingga 12 April 2023

Tarikh penyata : 12 April 2023

Illustrasi pengiraan pulangan tunai

Belanja & Pulangan Tunai	Ahli Kad A	Ahli Kad B	Ahli Kad C	Ahli Kad D
Tiga (3) kategori perbelanjaan (a)	RM2,800	RM3,000	RM1,000	RM750
3% pulangan tunai 3% x (a)	RM84.00	RM90.00	RM30.00	RM22.50
Baki terdahulu (Previous balance)	RM3,200	RM2,900	RM3,000	RM1,000
Bayaran Pulangan Tunai	RM50.00	RM30.00	RM30.00	RM22.50
	Dapat pulangan tunai maksimum RM50 berdasarkan jumlah transaksi pada tiga (3) kategori perbelanjaan dan mempunyai baki terdahulu sebanyak RM3,200	Dapat pulangan tunai RM30 sahaja berdasarkan jumlah transaksi pada tiga (3) kategori perbelanjaan kerana baki terdahulu sebanyak RM2,900	Dapat RM30 berdasarkan jumlah transaksi pada tiga (3) kategori perbelanjaan walaupun mempunyai baki terdahulu sebanyak RM3,000	Dapat pulangan tunai RM22.50 berdasarkan jumlah transaksi pada tiga (3) kategori perbelanjaan kerana baki terdahulu sebanyak RM1,000

Nota:

Pulangan tunai maksimum yang diperolehi daripada transaksi e-Dompot adalah RM30 sebulan.

Pulangan tunai yang diperolehi hasil daripada semakan ini akan ditunjukkan dalam penyata bulan April dan seterusnya.

7. Bilakah pulangan tunai akan dikreditkan?

Pulangan tunai akan dikreditkan pada tarikh kitaran penyata Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back dan akan ditunjukkan dalam penyata bulan semasa Ahli Kad Utama.

Sekiranya Transaksi yang Layak untuk Pulangan Tunai diposkan dalam hari yang sama dengan tarikh kitaran penyata, pulangan tunai untuk transaksi tersebut akan dikreditkan dalam penyata seterusnya tertakluk pada had bulanan pulangan tunai untuk penyata seterusnya.

Contoh:

Senario 1	Senario 2
Tarikh Kitaran Penyata: 18 Mei 2023	Tarikh Kitaran Penyata: 18 Mei 2023
Ahli Kad membelanjakan RM100 di Shopee pada 15 Mei 2023 dan transaksi tersebut diposkan dalam sistem kad pada 16 Mei 2023	Ahli Kad membelanjakan RM100 di Shopee pada 15 Mei 2023 tetapi transaksi tersebut diposkan dalam sistem kad pada 18 Mei 2023.
Pulangan tunai RM3 akan dikreditkan dan ditunjukkan dalam penyata bulan semasa Ahli Kad bertarikh 18 Mei 2023.	Pulangan tunai RM3 akan dikreditkan dan ditunjukkan dalam penyata bulan hadapan Ahli Kad bertarikh 18 Jun 2023.

8. Apakah jenis-jenis e-Dompot yang layak untuk pulangan tunai?

Pulangan tunai 3% akan diberikan ke atas transaksi/tambah nilai untuk e-Dompot seperti berikut:

- BigPay
- Boost
- Gkash eWallet
- GrabPay
- KiplePay / KiplePark
- Lazada Wallet
- Mcash
- Setel
- ShopeePay
- Touch 'n Go Prepaid Card
- Touch 'n Go eWallet
- Zapp

9. Apakah yang dimaksudkan dengan bil automatik?

Bil automatik merujuk kepada pembayaran berkala dan automatik yang dibenarkan yang dibuat dalam tempoh waktu tertentu yang mewakili perjanjian di antara Ahli Kad dan pedagang untuk membeli barang atau untuk perkhidmatan yang disediakan dalam tempoh masa tertentu seperti bil utiliti, bil telco dan lain-lain. Ini termasuk langganan bulanan dalam talian seperti Spotify, Netflix, iflix dan lain-lain

10. Adakah saya akan menerima Mata Ganjaran AFFIN Rewards dari Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back?

Tidak. Kad Kredit/-i AFFIN DUO Visa Cash Back hanya akan memberi ganjaran pulangan tunai untuk setiap RM1 yang dibelanjakan ke atas Transaksi yang Layak untuk Pulangan Tunai.

AFFIN DUO MASTERCARD REWARDS

11. Bagaimanakah saya boleh menerima Mata Ganjaran AFFIN Rewards dengan Kad Kredit/-i AFFIN DUO Mastercard Rewards?

Anda boleh dapatkan 3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk setiap RM1 perbelanjaan yang dibuat untuk makanan (F&B), barangan runcit dan transaksi di stesen minyak dengan Kad Kredit/-i AFFIN DUO Mastercard Rewards.

12. Adakah terdapat had Mata Ganjaran AFFIN Rewards yang boleh saya dapat dengan Kad Kredit/-i AFFIN DUO Mastercard Rewards?

Tidak ada had mata yang boleh anda dapat dengan Kad Kredit/-i AFFIN DUO Mastercard Rewards. Semakin banyak anda berbelanja untuk makan (F&B), barangan runcit dan transaksi di stesen minyak dengan Kad Kredit/-i AFFIN DUO Mastercard Rewards, semakin banyak Mata Ganjaran AFFIN Rewards yang boleh anda perolehi.

13. Adakah terdapat tempoh luput untuk Mata Ganjaran AFFIN Rewards?

Ya, Mata Ganjaran AFFIN Rewards akan luput selepas 3 tahun (36 bulan) dari tarikh mata ganjaran dikeluarkan.

14. Bagaimana saya boleh memeriksa Mata Ganjaran AFFIN Rewards saya?

Anda boleh merujuk penyata bulanan kad kredit/-i anda atau menyemak baki semasa anda secara dalam talian di <https://rewards.affinbank.com.my>.

15. Apa yang boleh saya lakukan dengan Mata Ganjaran AFFIN Rewards saya?

Anda boleh menebus barangan, baucar dan/atau mata ganjaran penerbangan dengan Mata Ganjaran AFFIN Rewards di <https://rewards.affinbank.com.my>.